

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 13/04/2017  
**Edisi / Muka Surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## **Angkasa Salur RM100,000 Bantu Koperasi Sekolah Jalani Projek Pertanian**

KUANTAN, 13 April (Bernama) -- Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) memperuntukkan sebanyak RM100,000 untuk diagihkan kepada 20 sekolah terpilih di seluruh negara untuk melaksanakan projek pertanian bagi menambah pendapatan koperasi sekolah.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata setiap sekolah yang terlibat akan menerima peruntukan sebanyak RM5,000.

"Pemilihan itu dibuat berdasarkan rekod tadbir urus koperasi sekolah yang cemerlang dan Angkasa telah mengenal pasti sekolah yang akan menerima peruntukan terbabit.

"Banyak koperasi sekolah yang cemerlang dalam pengurusan mereka tapi kita pilih 20 sekolah dahulu sebagai permulaan kerana sekolah terbabit turut mempunyai tanah bagi projek pertanian berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan sesi dialog Angkasa bersama pengetua dari daerah ini di sini.

Berdasarkan rekod, sehingga Jun 2016 sebanyak 2,361 koperasi sekolah daripada lebih 13,000 koperasi ditubuhkan di seluruh negara.

-- BERNAMA